



JABATAN AUDIT NEGARA

**ARAHAN KETUA AUDIT NEGARA
BILANGAN 4 TAHUN 2021**

**KOD ETIKA JURUAUDIT SEKTOR AWAM
JABATAN AUDIT NEGARA**

Mei 2021

Disediakan Oleh:

Bahagian Hubungan Antarabangsa Penyelidikan
dan QAR

Tarikh: 31 Mei 2021

Diluluskan Oleh:



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Tarikh: 31 Mei 2021



**KOD ETIKA JURUAUDIT SEKTOR AWAM
JABATAN AUDIT NEGARA**

31 MEI 2021

Jabatan Audit Negara
Malaysia

PRAKATA

KETUA AUDIT NEGARA

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Syukur ke hadrat Allah subhanahu wata'ala, Kod Etika Juruaudit Sektor Awam berjaya disiapkan dengan jayanya. Kod Etika ini merupakan satu panduan nilai dan prinsip yang mendasari tingkah laku yang sepatutnya diamalkan oleh juruaudit. Amalan tingkah laku berdasarkan Kod Etika ini memerlukan kepatuhan kepada standard moral dan nilai etika yang tinggi, seterusnya dapat memastikan penyampaian perkhidmatan juruaudit yang profesional dan berkredibiliti.



Kod Etika ini merupakan pindaan terhadap Kod Etika Juruaudit Edisi Mac 2011. Kod Etika Juruaudit Sektor Awam Pindaan 2021 ini telah disusun semula selaras dengan Kod Etika INTOSAI iaitu dengan mengambil kira pengemaskinian ISSAI 30 kepada ISSAI 130 yang mengandungi pengenalan terhadap Sistem Kawalan Etika.

Kod Etika ini hendaklah menjadi rujukan dan panduan kepada semua juruaudit di Jabatan Audit Negara (JAN), termasuk yang ditempatkan di Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan/Agensi serta Firma Audit Swasta yang menjalankan tugas pengauditan bagi pihak saya. Pematuhan kepada ketetapan dalam Kod Etika ini penting bagi mengelakkan tanggapan negatif pemegang taruh terhadap kredibiliti JAN. Saya percaya pembentukan dan penerapan nilai etika dan tata kelakuan terbaik akan membolehkan JAN memberikan perkhidmatan audit yang berkualiti dan berintegriti dalam sektor awam.

Wassalam.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Nik Azman', written over a light blue horizontal line.

(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

Ketua Audit Negara

31 MEI 2021

19 SYAWAL 1442H

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGENALAN.....	1
PRINSIP	2
TUJUAN	2
SISTEM KAWALAN ETIKA	2
TERAS KOD ETIKA.....	4
Integriti	4
Kebebasan dan Objektiviti.....	5
Kompetensi	9
Tingkah Laku Profesional	10
Kerahsiaan dan Ketelusan	11
Kerja Berpasukan	12
KESIMPULAN	13
LAMPIRAN A	14
LAMPIRAN B	36

ARAHAN KETUA AUDIT NEGARA BILANGAN 4 TAHUN 2021
KOD ETIKA JURUAUDIT SEKTOR AWAM
JABATAN AUDIT NEGARA

PENGENALAN

1. Kod Etika Juruaudit Sektor Awam Jabatan Audit Negara (JAN) adalah sebuah dokumen yang menetapkan kod tingkah laku, berdasarkan kepada tanggungjawab moral, yang menerangkan bagaimana seseorang juruaudit sektor awam perlu berkelakuan. Kod Etika ini merupakan pernyataan komprehensif mengenai prinsip dan nilai yang menjadi panduan kepada urusan kerja harian semua juruaudit JAN.
2. Kod ini terpakai kepada semua juruaudit yang berkhidmat di atas nama Ketua Audit Negara dan JAN. Ini termasuk firma audit swasta yang dilantik bagi menjalankan pengauditan bagi pihak Ketua Audit Negara. Ia juga meliputi juruaudit JAN di semua Bahagian Audit Dalam di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan bagi menjamin kredibiliti juruaudit yang dibekalkan oleh JAN. Semua juruaudit yang terlibat perlu mematuhi nilai-nilai etika yang dinyatakan sewaktu melaksanakan tugas rasmi dan ketika menjalani kehidupan peribadi.
3. Kod Etika Juruaudit Sektor Awam JAN disediakan berasaskan kepada prinsip-prinsip utama yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Audit 1957, International Standard of Supreme Audit Institutions (ISSAI 130 – Code of Ethics), Perintah Am Bab D (Kelakuan dan Tatatertib), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam, Dasar Penerapan Nilai Islam Dalam Pentadbiran, Tonggak 12, *Auditing Standards*, Akta Rahsia Rasmi dan Arahan Keselamatan, Manual/SOP JAN dan arahan Ketua Audit Negara. Kod Etika Juruaudit ini mengambil kira tata kelakuan seorang penjawat awam secara amnya dan keperluan tertentu sebagai juruaudit khususnya.

PRINSIP

4. Prinsip Kod Etika ini menitikberatkan tingkah laku yang baik, amanah, budi pekerti yang luhur dan keperibadian mulia semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi menjaga integriti dan kredibiliti JAN.

TUJUAN

5. Kod Etika Juruaudit ini digubal bagi meningkatkan standard profesionalisme juruaudit JAN dengan tujuan mewujudkan perlakuan dan etika kerja juruaudit JAN yang menepati standard berasaskan kepada nilai-nilai dan akhlak murni. Ia juga disediakan bagi menggalak dan menerapkan semangat kebertanggungjawaban dalam kalangan juruaudit JAN dan amalan etika kerja yang tinggi dalam melaksanakan tugas.

SISTEM KAWALAN ETIKA

6. Bagi memastikan budaya etika dipupuk dan diamalkan oleh juruaudit JAN serta pihak-pihak yang berkaitan, Sistem Kawalan Etika yang merangkumi empat (4) komponen iaitu Kod Etika; Kepimpinan; Panduan Etika; dan Pemantauan Etika digubal dan dilaksanakan di peringkat JAN.

Kod Etika

7. Kod Etika menetapkan nilai, prinsip dan etika sebagai panduan kepada juruaudit untuk berkelakuan secara beretika. Ia disediakan dengan mengambil kira faktor budaya, sistem perundangan, sosial, polisi dan prosedur yang berkaitan, serta pandangan juruaudit.

Kepimpinan

8. Pihak Pengurusan bertanggungjawab dalam memimpin dan menerapkan budaya etika di kalangan juruaudit JAN dengan melaksanakan strategi, dasar dan prosedur untuk mempromosikan etika serta mengekalkan tahap profesionalisme, akauntabiliti dan ketelusan yang tinggi dalam membuat keputusan. Pihak Pengurusan juga bertanggungjawab dalam menggalakkan persekitaran komunikasi terbuka agar persoalan sukar dan sensitif dapat dibincangkan bersama dan dalam menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan adil kepada juruaudit.

Panduan Etika

9. Komunikasi yang jelas adalah penting untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman juruaudit mengenai pematuhan kepada nilai etika. Sehubungan itu, Kod ini disediakan sebagai panduan etika dan program-program seperti bengkel dan latihan akan dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan mendidik juruaudit berkenaan nilai etika JAN. Selain itu, juruaudit juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai di Unit Integriti, Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang atau Unit Kaunseling bagi hal-hal berkaitan etika.

Pemantauan Etika

10. Nilai etika perlu diamalkan, diterap dan dipantau dalam pengurusan harian. Ini termasuk menekankan etika sebagai kriteria dalam pengambilan juruaudit, penilaian prestasi dan pembangunan profesional. Selain itu, kawalan pemantauan etika yang berkesan dapat membantu JAN mencegah berlakunya perbuatan tidak beretika dan mengurangkan risiko pelanggaran etika. Antara kawalan pemantauan yang dilaksanakan oleh JAN adalah seperti menguatkuasakan pelaksanaan peraturan kerajaan berkaitan dengan pemberian hadiah dan kemudahan; melaksanakan penilaian dalaman dan luaran secara berkala untuk mengenal pasti sebarang ketidakpatuhan kepada Kod Etika ini.

TERAS KOD ETIKA

11. Kod Etika Juruaudit dirangka dan dibina atas teras etika berikut iaitu integriti; kebebasan dan objektiviti; kompetensi; tingkah laku profesional; kerahsiaan dan ketelusan; serta kerja berpasukan. Penjelasan terperinci berkaitan istilah dalam Teras Kod Etika adalah seperti di **Lampiran A**.

Integriti

12. Integriti membawa maksud keutuhan yang menjurus ke arah perwatakan jati diri juruaudit. Juruaudit perlu mengamalkan ciri-ciri perwatakan serta keperibadian yang mulia dan bersih seperti kejujuran, ketelusan, amanah, berketerampilan, berpegang kepada prinsip kebenaran dan tidak mudah terpengaruh semasa menjalankan tugasnya. Bagi mengekalkan keyakinan pihak auditi, perwatakan dan keperibadian ini hendaklah sentiasa terkawal dan diamalkan;

13. Juruaudit perlu amanah dalam melaksanakan tanggungjawab agar hasil pengauditan yang dilaksanakan adalah tepat dan memenuhi jangkaan pihak berkepentingan. Ini adalah penting bagi memastikan kredibiliti juruaudit dan JAN terus dipercayai dan terpelihara;

14. Juruaudit perlu berwaspada terhadap keadaan, pendapat atau perlakuan yang boleh menyebabkan integriti mereka dipersoalkan. Keadaan ini mungkin berkaitan dengan kehidupan peribadi juruaudit seperti masalah keberhutangan yang serius, melanggan atau melayari laman sesawang yang tidak sepatutnya atau dalam menggunakan media sosial; dan

15. Juruaudit hendaklah memaklumkan kepada penyelia atau pihak atasan sekiranya berhadapan dengan isu-isu yang berkaitan dengan integriti seperti melaporkan kebimbangan atau kecurigaan terhadap pelanggaran integriti.

Kebebasan dan Objektiviti

16. Kebebasan bermaksud bebas daripada keadaan atau pengaruh yang boleh menyebabkan terjejasnya pertimbangan profesional juruaudit atau dilihat sebagai berkompromi. Juruaudit juga hendaklah bertindak secara adil dan tidak berat sebelah dalam membuat penilaian serta tidak dipengaruhi oleh kepentingan peribadi atau pihak lain;

17. Kebebasan merangkumi *independence in fact* dan *independence in appearance*:

- i. *Independence in fact* adalah keadaan di mana juruaudit melakukan aktiviti tanpa dipengaruhi oleh hubungan yang boleh menjejaskan pertimbangan profesional mereka. Ia membolehkan juruaudit bertindak dengan objektiviti serta mengamalkan skeptisisme profesional; dan
- ii. *Independence in appearance* adalah berkaitan persepsi pihak lain terhadap kebebasan juruaudit. Contohnya juruaudit dilihat tidak bebas sekiranya mempunyai talian persaudaraan dengan auditi.

18. Objektiviti adalah berkaitan dengan sifat juruaudit yang dapat bertindak secara adil dan tidak berat sebelah, menyampaikan atau menilai sesuatu berdasarkan fakta (bukti audit) dan bukannya berdasarkan kepentingan sendiri. Ia juga dikaitkan dengan kemampuan juruaudit membuat pertimbangan tanpa prejudis terhadap pihak lain;

19. Juruaudit hendaklah mempertimbangkan maklumat dan pandangan yang dikemukakan oleh auditi atau pihak lain dalam mengeluarkan pendapatnya. Bagaimanapun, pendapat juruaudit mestilah dibuat secara bebas, objektif, adil dan saksama setelah mengambil kira maklumat dan pandangan tersebut, serta berasaskan bukti sahih yang diperoleh melalui kaedah pengauditan yang profesional;

20. Bagi memastikan kebebasan dan objektiviti juruaudit kekal terpelihara, juruaudit perlu mengelakkan percanggahan kepentingan, mengamalkan politik berkecuali dan menolak pemberian hadiah, ganjaran atau layanan istimewa daripada auditi.

Percanggahan Kepentingan

21. Percanggahan kepentingan melibatkan percanggahan antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seseorang di mana ia berpotensi menyebabkan juruaudit tidak dapat berfikir secara bebas dan objektif. Dengan adanya percanggahan kepentingan, juruaudit berkemungkinan cenderung membuat penilaian dan keputusan yang tidak memihak kepada kepentingan Kerajaan kerana dikaburi oleh keuntungan peribadi.

22. Juruaudit perlu mengelak keadaan di mana kepentingan peribadi boleh menjejaskan kebebasan atau objektiviti juruaudit serta mempengaruhi pembuatan keputusan.

23. Juruaudit tidak dibenarkan memberi konsultasi/latihan berbayar kepada pihak auditi di luar pengetahuan pengurusan atasan JAN;

24. Juruaudit tidak dibenarkan membuat rundingan dengan auditi atau pihak yang mempunyai hubungan kontrak dengan JAN untuk mendapatkan pekerjaan;

25. Juruaudit tidak dibenarkan untuk mempunyai kepentingan kewangan secara langsung atau tidak langsung dalam auditi atau entiti lain yang mempunyai hubungan kontrak dengan JAN;

26. Juruaudit tidak boleh terlibat dalam perniagaan luar atau aktiviti bukan audit yang berkaitan dengan auditi atau entiti lain yang mempunyai hubungan kontrak dengan JAN, di mana hasilnya boleh memberi kesan terhadap kepentingan kewangan

atau kepentingan yang lain kepada juruaudit. Contohnya terlibat sebagai penceramah atau agen yang memberi pulangan kepada juruaudit dan pihak penganjur;

27. Juruaudit hendaklah tidak terlibat dalam membuat sebarang keputusan berkaitan pengurusan auditi;

28. Juruaudit hendaklah mengelak daripada melaksanakan pengauditan terhadap auditi di mana juruaudit pernah berkhidmat atau mempunyai hubungan rapat dengan auditi tersebut;

29. Juruaudit hendaklah mengisytiharkan sekiranya terdapat percanggahan kepentingan dengan agensi yang akan diaudit. Penyelia, setelah menimbang segala faktor, boleh mengeluarkan juruaudit tersebut daripada pasukan Audit yang terlibat dalam pengauditan. Penyelia boleh juga mengekalkan juruaudit terlibat dalam pasukan Audit dengan penyeliaan ketat. Ini termasuklah menyemak segala kerja dan pertimbangan yang dibuat oleh juruaudit terlibat secara lebih terperinci;

30. Juruaudit perlu membuat perisytiharan ini dengan menandatangani Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan seperti di **Lampiran B**, sebelum melaksanakan tugas pengauditan bagi memastikan tiada sebarang percanggahan kepentingan di antara juruaudit dan agensi yang akan diaudit. Pengisytiharan ini amatlah penting dalam memastikan integriti dan profesionalisme juruaudit sentiasa di tahap terbaik serta melindungi juruaudit daripada sebarang tuduhan salah guna kuasa yang tidak berasas; dan

31. Juruaudit perlu berwaspada semasa menjalankan tugas dan menggunakan maklumat yang diperolehi hanya untuk kepentingan awam. Juruaudit tidak boleh menggunakan kedudukan rasmi mereka untuk kepentingan peribadi.

Politik Berkecuali

32. Juruaudit perlu mengekalkan kebebasan daripada pengaruh mana-mana parti politik atau pertubuhan lain supaya dapat menjalankan tanggungjawab pengauditan dengan adil dan saksama;
33. Juruaudit perlu mengelakkan diri daripada terlibat dalam aktiviti politik kerana ia boleh mempengaruhi keupayaan dalam melaksanakan tugas secara profesional tanpa menyebelahi mana-mana pihak;
34. Juruaudit bertanggungjawab untuk memastikan pandangan politik peribadi tidak menjejaskan kebebasan dan objektiviti mereka yang boleh menggugat reputasi dan kredibiliti JAN; dan
35. Juruaudit juga tidak boleh mendedahkan pandangan politik peribadi kepada umum melalui penulisan atau komen dalam mana-mana media sosial seperti Facebook atau Twitter yang menunjukkan kecenderungan terhadap calon atau parti tertentu. Pandangan secara terbuka boleh menjejaskan pandangan pihak berkepentingan terhadap kemampuan juruaudit JAN untuk membuat pertimbangan secara adil dan saksama.

Pemberian Hadiah, Ganjaran atau Layanan Istimewa

36. Juruaudit perlu mengelak daripada menerima sebarang bentuk hadiah, ganjaran atau layanan istimewa daripada pihak pengurusan atau pegawai yang mempunyai pengaruh dalam auditi, atau entiti lain yang mempunyai hubungan kontrak dengan JAN;
37. Juruaudit tidak dibenarkan menerima hidangan makan/minum yang mewah sama ada di dalam atau di luar waktu pejabat daripada auditi semasa menjalankan pengauditan sekiranya ia boleh mendatangkan tanggapan negatif kepada JAN; dan

38. Juruaudit tidak dibenarkan menerima tawaran percutian, kemudahan atau hiburan daripada pihak pengurusan auditi atau pegawai yang mempunyai pengaruh dalam auditi atau entiti lain yang mempunyai kontrak dengan JAN.

Kompetensi

39. Kompetensi bermaksud kemampuan atau kemahiran yang dimiliki oleh seseorang juruaudit dalam melaksanakan tugasannya;

40. Juruaudit hendaklah memperoleh dan mengekalkan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian serta bertindak dengan berhati-hati selaras dengan piawaian pengauditan yang ditetapkan.

41. Juruaudit hendaklah berusaha meningkatkan kompetensi dan pengetahuan secara berterusan selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa bagi membolehkannya melaksanakan tanggungjawab profesionnya dengan cekap dan berkesan. Ini boleh dilaksanakan dengan sentiasa melibatkan diri dalam program pembelajaran profesional secara berterusan (Continuous Professional Development atau CPD);

42. Juruaudit hendaklah sentiasa peka terhadap perkembangan dan perubahan yang terkini dalam bidang pengauditan, perakaunan, pengurusan dan teknologi maklumat serta aktiviti auditi bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme. Juruaudit hendaklah sentiasa bersikap skeptisisme dalam melaksanakan tugas pengauditan bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan;

43. Juruaudit perlu mengamalkan ketelitian profesional (professional due care) semasa menjalankan pengauditan dan menyediakan laporan audit bagi memastikan laporan audit adalah tepat dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak;

44. Juruaudit hendaklah mengeluarkan laporan yang tepat dan disokong dengan bukti audit yang mencukupi bagi memberi keyakinan kepada pelbagai pihak berkepentingan bahawa laporan yang dikeluarkan menggambarkan keadaan yang benar dan saksama;

45. Juruaudit hendaklah melaksanakan tugas mengikut piawaian yang ditetapkan, termasuk mematuhi segala proses kawalan kualiti yang ditetapkan oleh JAN bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti dan memenuhi standard pengauditan Jabatan, INTOSAI dan yang diterima umum; dan

46. Juruaudit di peringkat penyeliaan mempunyai kemahiran, keupayaan dan kesediaan untuk berkongsi ilmu pengauditan.

Tingkah Laku Profesional

47. Tingkah laku profesional merujuk kepada proses yang dihadapi juruaudit ketika menimbang dan membuat laporan audit. Isu sensitiviti dan materialiti serta faktor-faktor lain yang boleh menjejaskan pembuatan laporan audit perlu diberi perhatian utama;

48. Juruaudit dilarang melakukan sebarang aktiviti atau perkara yang boleh menjejaskan imej mereka dan JAN. Mereka perlu memahami kesan tindakan atau tingkah laku mereka terhadap kredibiliti JAN dengan mempertimbangkan bagaimana tingkah laku mereka sama ada di dalam atau di luar persekitaran JAN akan dinilai oleh rakan sekerja, keluarga dan rakan, auditi, media dan lain-lain pihak berkepentingan;

49. Juruaudit perlu mengamalkan tadbir urus yang baik dengan melaksanakan tanggungjawab secara telus, berakauntabiliti dan berhemah dari segi membuat keputusan dan melaporkan hasil pengauditan; dan

50. Juruaudit juga hendaklah sentiasa menjaga imej dan perwatakan yang profesional bagi memelihara keyakinan masyarakat dan pihak berkepentingan dengan profesion juruaudit.

Kerahsiaan dan Ketelusan

51. Kerahsiaan merujuk kepada melindungi maklumat atau bukti audit yang diterima daripada berlakunya kebocoran atau didedahkan kepada pihak luar. Ketelusan pula merujuk kepada situasi di mana juruaudit melaporkan setiap maklumat yang diterima dengan tepat dan menyeluruh;

52. Dalam konteks Kod Etika ini, teras Kerahsiaan dan Ketelusan digabungkan agar juruaudit dapat mempertimbangkan had keperluan melaporkan maklumat tersebut sekiranya melibatkan isu-isu sensitif, rahsia atau keselamatan negara;

53. Juruaudit hendaklah memastikan penemuan-penemuan audit yang dilaporkan dalam LKAN tidak dibincangkan atau didedahkan kepada pihak ketiga sebelum LKAN dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri;

54. Juruaudit juga hendaklah menjaga kerahsiaan maklumat daripada pihak ketiga. Juruaudit tidak boleh mendedahkan maklumat yang diperolehi hasil daripada pengauditan yang dijalankan selain daripada yang telah dilaporkan dalam LKAN kepada pihak ketiga (seperti PAC, BNM, PDRM, SPRM) tanpa kelulusan daripada pihak atasan JAN, melainkan sekiranya terdapat keperluan undang-undang untuk berbuat sedemikian;

55. Juruaudit tidak dibenarkan untuk berkongsi maklumat yang diperolehi semasa pengauditan kepada pihak luar, melainkan terdapat keperluan undang-undang untuk berbuat demikian. Sebarang permohonan pihak luar untuk mendapatkan maklumat berkaitan auditi perlulah dibuat terus kepada agensi tersebut;

56. Juruaudit perlu mengekalkan kerahsiaan maklumat daripada kehidupan peribadi termasuk keluarga dan persekitaran lain seperti media sosial, semasa dan juga selepas tamat tempoh perkhidmatan dalam sektor awam;

57. Juruaudit perlu memastikan semua dokumen terperingkat diturunkan taraf terlebih dahulu sebelum dikemukakan ke mahkamah, sekiranya mempunyai keperluan perundangan untuk berbuat sedemikian; dan

58. Juruaudit perlu memastikan peranti data elektronik, seperti komputer riba dan peranti penyimpanan data mudah alih disimpan dengan selamat.

Kerja Berpasukan

59. Kerja berpasukan bermaksud juruaudit bekerjasama dalam satu kumpulan dalam menjalankan tugas pengauditan bagi memastikan laporan audit yang dihasilkan adalah berkualiti, berkredibiliti dan tidak dipertikaikan oleh pemegang taruh;

60. Kerja berpasukan memerlukan juruaudit untuk saling mempercayai dan menghormati antara satu sama lain dan bekerjasama dalam menyelesaikan setiap isu dan masalah yang timbul dalam pasukan;

61. Juruaudit perlu mengiktiraf peranan setiap individu, melayani setiap individu dengan baik, mendengar idea dan pendapat setiap ahli pasukan, mengamalkan komunikasi berkesan dan berhemah dalam kalangan ahli pasukan serta mengiktiraf sumbangan setiap individu dalam tugas dan pasukan; dan

62. Juruaudit perlu bersikap profesional dalam menjalankan tugas dan tidak membawa masalah peribadi terutamanya yang melibatkan ahli pasukan dalam pelaksanaan tanggungjawab.

KESIMPULAN

63. Kod Etika Juruaudit ini digubal secara komprehensif bagi memberi panduan kepada juruaudit sektor awam untuk menjalankan tugas secara profesional. Ianya perlu dipatuhi serta diamalkan oleh juruaudit dan pihak lain yang melaksanakan pengauditan bagi pihak Ketua Audit Negara. Sekiranya terdapat keraguan terhadap sesuatu perkara yang boleh menjejaskan kredibiliti dan imej JAN, juruaudit perlu mengambil langkah yang sewajarnya seperti memaklumkan kepada pihak pengurusan JAN terhadap sebarang pelanggaran etika atau membuat pengisytiharan terhadap percanggahan kepentingan yang dihadapi sebelum atau semasa melaksanakan tugas pengauditan. Keadaan ini penting bagi memastikan laporan audit yang dikeluarkan adalah berkredibiliti dan tidak dipersoalkan oleh pemegang taruh.

LAMPIRAN A

**Penjelasan Mengenai Istilah Yang Digunakan Dalam Kod Etika Juruaudit Sektor Awam
Jabatan Audit Negara (Pindaan Mei 2021)**

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
1.	Amanah	4, 11 & 12	<p>Amanah bermaksud sesuatu yang diberi kepercayaan kepada orang lain untuk melaksanakannya. Seorang yang amanah akan sentiasa menjaga dirinya daripada sebarang perlakuan yang tidak bermoral seperti menipu, menyeleweng, menyalahgunakan kuasa, cuai dalam melaksanakan tugas serta tidak menepati janji.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Juruaudit hendaklah bersikap amanah dalam melapor dan merekodkan sesuatu. (Al-Baqarah:282).</p> <p>ii. Juruaudit hendaklah menuntut apa-apa tuntutan yang dibenarkan mengikut peraturan seperti tuntutan perjalanan,</p>	<p>i. Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam</p> <p>ii. Dasar Penerapan Nilai Islam Dalam Pentadbiran</p>

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>pindahan dan kerja lebih masa serta menggunakan mesin kad perakam waktu mengikut peraturan yang ditetapkan.</p> <p>iii. Menggunakan peralatan atau kemudahan pejabat untuk tujuan rasmi dan tidak menyalahgunakan kuasa yang telah diberi untuk kepentingan diri. Contohnya kemudahan telefon dan internet yang telah disediakan oleh Jabatan.</p>	
2.	Adil dan Saksama	18,31 & 34	<p>Adil dan saksama bermaksud memberikan kepada yang berhak itu akan haknya mengikut kadar masing-masing atau meletakkan sesuatu ditempatnya. Seorang yang bertindak adil dan saksama akan mempertimbangkan sesuatu perkara dengan merujuk kepada peraturan dan undang-undang, bukti dan fakta yang telah diperolehi sebelum sesuatu tindakan atau keputusan diambil. Prinsip adil dan saksama juga melibatkan keadilan terhadap diri sendiri, orang bawahan, orang atasan dan teman sejawat. Dalam konteks pengauditan pula, adil dan saksama juga akan melibatkan auditi.</p>	

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Juruaudit hendaklah mengutamakan kepentingan Jabatan dan tidak melebihkan diri sendiri. ii. Membuat pertimbangan dengan sewajarnya serta mengeluarkan laporan yang seimbang. iii. Juruaudit perlu memberikan ruang kepada semua peringkat dalam memberikan pendapat dan idea. 	
3.	Aktiviti Bukan Audit	25	<p>Juruaudit Jabatan Audit Negara tidak dibenarkan terlibat dalam sebarang pekerjaan luar yang boleh mencemarkan imej Jabatan Audit Negara. Perkara ini telah dinyatakan di bawah Arahan Ketua Audit Negara Bil. 1/2002 – Penglibatan Dalam Pekerjaan Luar.</p> <p>Juruaudit Jabatan Audit Negara juga tidak boleh memberi kursus, ceramah atau seminar anjuran sektor swasta kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Audit Negara. Perkara ini telah dinyatakan di bawah Arahan Ketua Audit Negara Bil. 5/2002 – Memberi Kursus/Ceramah/Seminar Anjuran Sektor Swasta.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Arahan Ketua Audit Negara Bil. 1/2002 – Penglibatan Dalam Pekerjaan Luar. ii. Arahan Ketua Audit Negara Bil. 5/2002 – Memberi Kursus/Ceramah/

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>Contoh:</p> <p>i. Juruaudit tidak boleh menyediakan akaun pihak auditi seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan sekolah.</p> <p>Seseorang pegawai tidak boleh pada bila-bila masa terlibat dalam apa jua aktiviti yang menyalahi undang-undang atau peraturan-peraturan Negara atau terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan kurang berakhlak atau jenayah.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Terlibat dalam kegiatan perjudian. ii. Terlibat dalam pergaulan bebas yang boleh menimbulkan fitnah. iii. Terlibat dalam pertubuhan haram dan ajaran sesat.</p>	<p>Seminar Anjuran Sektor Swasta.</p> <p>Perintah Am Bab D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 – Peraturan 4</p>

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>Seseorang pegawai tidak boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan atau perjalanan apa-apa perusahaan komersil, pertanian atau perindustrian. ii. Mendapatkan upah kerja bagi mana-mana institusi, syarikat atau, firma atau individu persendirian. <p>Seseorang pegawai hendaklah setiap masa mengamalkan sikap berkecuali atau tidak memihak kepada mana-mana parti politik dan tidak melanggar larangan yang terkandung di dalam Perintah Am Bab D.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Perintah Am Bab D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 – Peraturan 5 ii. Arahan Ketua Audit Negara Bil. 1/2002 – Penglibatan Dalam Pekerjaan Luar. <p>Perintah Am Bab D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 – Peraturan 21</p>

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Terlibat dalam gerakan reformasi atau demonstrasi jalanan yang tiada permit yang boleh menjejaskan nama Jabatan. ii. Mengedarkan risalah atau bahan berkaitan parti politik. 	
4.	Beradab Sopan	11	<p>Seorang yang beradab sopan merupakan seorang yang sentiasa menjaga tutur katanya terhadap orang lain. Sentiasa memberikan layanan yang baik terhadap orang lain. Beliau juga akan memastikan percakapannya adalah sopan, lemah lembut tetapi tegas.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Juruaudit hendaklah sentiasa menjaga percakapannya terutamanya terhadap ketua dan rakan sekerja ii. Bersopan-santun ketika berkomunikasi menggunakan telefon terutamanya terhadap auditi dan pihak luar. iii. Tidak meninggikan suara walaupun sedang marah. 	

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
5.	Berdisiplin	11	<p>Berdisiplin bermaksud patuh kepada peraturan dan undang-undang. Pekerja yang berdisiplin adalah mereka yang mematuhi peraturan, arahan dan undang-undang. Mereka juga sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama dan sentiasa menjaga imej dan maruah diri dan Jabatannya.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Juruaudit mesti datang ke pejabat mengikut waktu yang telah ditetapkan.</p> <p>ii. Memenuhi temujanji yang telah ditetapkan dengan agensi.</p>	<p>i. Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam</p> <p>ii. Dasar Penerapan Nilai Islam Dalam Pentadbiran</p> <p>iii. Tonggak 12</p>
6.	Berhemah Dalam Berkomunikasi	8 & 60	<p>Seseorang yang berhemah akan sentiasa memberikan layanan yang baik dan menuturkan kata yang sopan di hadapan ketua, rakan sekerja dan pihak auditi.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Menggunakan tutur kata yang sopan ketika bercakap.</p> <p>ii. Menegur dengan cara yang baik.</p>	

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
7.	Berketerampilan	11	<p>Seorang yang berketerampilan adalah seorang yang berkebolehan serta mempunyai kecekapan dan kemampuan dalam menjalankan tugas, serta berpakaian kemas dan bersesuaian dengan keadaan.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Juruaudit perlu mahir dalam menggunakan teknologi terkini. ii. Juruaudit perlu berpakaian kemas sesuai dengan profesion audit.</p>	<p>i. Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam</p> <p>ii. Tonggak 12</p>
8.	Bersih	11	<p>Nilai bersih dapat dibahagikan kepada dua iaitu kebersihan dari segi luaran (penampilan) dan dalaman (hati). Kebersihan dari segi luaran dapat dinilai melalui cara individu tersebut berpakaian manakala dalaman pula tidak menunjukkan sifat negatif seperti berniat jahat, iri hati dan dendam.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Juruaudit hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri serta memakai pakaian yang kemas dan bersih ke pejabat seiring</p>	<p>i. Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam</p> <p>ii. Dasar Penerapan Nilai Islam Dalam Pentadbiran</p>

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>dengan profesion audit bagi memelihara keyakinan masyarakat dan pihak berkepentingan.</p> <p>ii. Menjauhkan diri daripada kegiatan rasuah, pecah amanah dan penipuan.</p> <p>iii. Berfikir sebelum bertindak serta meluahkan rasa tidak puas hati dengan cara yang betul bukan melalui surat layang.</p>	
9.	Bukti Sahih	18	<p>Juruaudit hendaklah memastikan bahawa bukti yang diperolehi adalah sah dan boleh dipercayai dengan menimbangkan perkara berikut:</p> <p>i. Bukti yang diperolehi daripada punca luaran seperti Surat Pengesahan Bank lazimnya adalah lebih dipercayai berbanding maklumat yang diperolehi dari dalaman.</p> <p>ii. Bukti dokumentasi pada kebiasaannya dianggap lebih dipercayai berbanding bukti lisan.</p> <p>iii. Kebolehpercayaan maklumat yang dikemukakan oleh auditi bergantung kepada keberkesanan sistem kawalan dalamannya.</p> <p>iv. Dokumen asal adalah lebih meyakinkan berbanding salinan fotostat.</p>	

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
10.	Hadiah atau Ganjaran	10, 19 & 35	Peraturan 8 Perintah Am Bab D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 menetapkan bahawa seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberi atau membenarkan ahli keluarga serta mana-mana orang menerima secara langsung atau tidak langsung apa-apa bentuk hadiah atau pemberian daripada atau kepada mana-mana persatuan, badan, orang atau kumpulan jika penerimaan atau pemberian itu mempunyai kaitan dengan tugas rasminya.	Perintah Am Bab D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 – Peraturan 8
11.	Kedudukan Rasmi	30	<p>Juruaudit adalah dilarang daripada menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan peribadi.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menggunakan kedudukan untuk membeli sesuatu seperti membeli tanah. ii. Meminta sumbangan peribadi daripada orang lain. 	

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
12.	Kerja Berpasukan	58 & 59	<p>Semangat kerja berpasukan amat disarankan bagi memastikan sesuatu tugas dapat dilaksanakan dengan mudah dan pantas. Saling tolong-menolong antara satu sama lain dapat mengeratkan silaturrahim sesama manusia. Selain itu, idea yang bernas dapat dicetuskan apabila sesuatu perkara dibincangkan bersama-sama.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kerap berbincang mengenai tugas yang dilaksanakan. ii. Mendengar dan menerima pendapat orang lain. 	
13.	Keselamatan Maklumat Rahsia	51 & 55	<p>Rahsia rasmi merupakan apa-apa surat rasmi, maklumat dan bahan lain yang dikelaskan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad', mengikut mana yang berkenaan oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang telah dilantik.</p> <p>Juruaudit perlu memastikan bahawa keselamatan maklumat yang</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Akta Rahsia Rasmi 1972 ii. Arahan Keselamatan

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>diperolehi adalah terjamin dan mengikut tatacara yang telah ditetapkan di bawah Arahan Keselamatan seperti berikut:</p> <p>Dokumen Terperingkat:</p> <p>Rahsia Besar – Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan menyebabkan kerosakan yang amat besar kepada Malaysia. Kulit fail berwarna kuning dengan berpaling merah di sebelah luar kulit depan dan belakang.</p> <p>Rahsia – Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan membahayakan keselamatan Negara, menyebabkan kerosakan besar kepada kepentingan dan martabat atau memberi keuntungan besar kepada sesebuah kuasa asing. Kulit fail berwarna merah jambu dengan berpaling merah di sebelah luar kulit hadapan dan belakang.</p>	

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>Sulit – Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi, yang jika didedahkan tanpa kebenaran walaupun tidak membahayakan keselamatan tetapi memudaratkan kepentingan atau martabat Malaysia atau kegiatan Kerajaan atau orang perseorangan atau akan menyebabkan keadaan memalukan atau kesusahan kepada pentadbiran atau akan menguntungkan sesebuah kuasa asing. Kulit fail berwarna hijau.</p> <p>Terhad – Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi selain daripada yang diperingkatkan di atas. Kulit fail berwarna putih.</p> <p>Dokumen terperingkat tidak sekali-kali boleh dibawa keluar dari pejabat melainkan jika dikehendaki untuk rujukan rasmi di mana-mana tempat. Dokumen terperingkat Rahsia Besar atau Rahsia tidak sekali-kali boleh dibawa balik ke rumah melainkan ada sebab tertentu dan mendapat kebenaran bertulis Ketua Setiausaha Kementerian atau Setiausaha Kerajaan Negeri. Kebenaran bertulis</p>	

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			Ketua Jabatan hendaklah didapati terlebih dahulu untuk membawa balik dokumen terperingkat Sulit atau Terhad ke rumah.	
14.	Ketelitian Profesional	42	<p>Sikap ketelitian profesional bermakna Juruaudit berdasarkan kepakaran, kemahiran dan pengalamannya hendaklah menggunakan pertimbangan yang sewajarnya untuk memilih ujian dan prosedur audit yang sesuai untuk mengumpul dan menilai bukti serta menyediakan laporan.</p> <p>Selain itu, ketelitian profesional juga merangkumi kerja susulan ke atas penemuan audit sebelumnya untuk menentukan sama ada langkah-langkah pembetulan telah diambil tindakan yang sewajarnya. Juruaudit perlu menimbangkan untuk melaporkan isu yang dibangkitkan daripada pengauditan yang lepas yang mana tidak ada tindakan pembetulan diambil.</p>	

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
15.	Laporan Audit Yang Berkualiti	44	<p>Juruaudit perlu peka terhadap proses penghasilan Laporan Audit yang berkualiti.</p> <p>a) Laporan yang disediakan hendaklah memenuhi standard pelaporan yang telah ditetapkan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Padatii. Jelasiii. Konsisteniv. Lengkapv. Tepatvi. Tepat pada masavii. Objektiviti <p>b) Standard INTOSAI selanjutnya menyatakan format dan kandungan bagi semua laporan audit adalah berdasarkan kepada prinsip berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Tajukii. Tandatangan dan tarikh	

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<ul style="list-style-type: none"> iii. Objektif dan skop iv. Kesempurnaan v. Pengguna/Penerima vi. Perkara yang perlu yang dikenal pasti vii. Peruntukan Undang-undang viii. Pematuhan kepada standard ix. Ketepatan masa 	
16.	Laporan Seimbang		<p>Laporan seimbang ini terbahagi kepada dua jenis iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melaporkan perkara yang baik mengenai auditi secara keseluruhan serta perkara yang perlu diambil perhatian (tidak baik) oleh pihak auditi; dan ii. Melaporkan perkara yang perlu diambil perhatian (tidak baik) oleh auditi dan menyatakan sebab serta tindakan penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh auditi. 	
17.	Laporan Yang Objektif		<p>Juruaudit hendaklah memastikan bahawa setiap laporan perlu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Padat, jelas, konsisten, lengkap, tepat dan tepat pada masa; 	Garis Panduan Pengauditan Prestasi

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			ii. Hanya membincangkan isu yang material dan signifikan; dan iii. Membentangkan penemuan dan kesimpulan secara objektif dan membina dengan disokong oleh bukti yang mencukupi dan didokumenkan dengan sempurna dalam kertas kerja.	
18.	Mendedahkan Maklumat	53	<p>Seksyen 8 Akta Audit 1957 telah memperuntukkan bahawa Ketua Audit Negara atau pegawainya yang lain tidak boleh membocorkan maklumat yang dianggap sulit kepada pihak lain.</p> <p>Seseorang pegawai tidak boleh pada bila-bila masa membuat kenyataan awam secara bertulis atau lisan, menerbit atau mengedarkan maklumat tertentu kepada media massa mengenai perkara yang melibatkan kepentingan Kerajaan melainkan setelah mendapat kebenaran Ketua Jabatan. Ini telah dinyatakan di bawah Peraturan 19 Perintah Am Bab D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.</p>	i. Seksyen 8 Akta Audit 1957 ii. Perintah Am Bab D Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 - Peraturan 19

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>Contoh:</p> <p>i. Juruaudit tidak boleh membocorkan maklumat yang dianggap sulit kepada mana-mana pihak selagi ia belum dibentangkan di Parlimen.</p>	
19.	Mengkompromikan Kepentingan	15	Mengkompromikan kepentingan boleh didefinisikan sebagai bertolak ansur dalam memberi nasihat tanpa menjejaskan kebebasan seorang Juruaudit.	
20.	Mulia	4 & 11	<p>Nilai mulia diri seseorang dapat ditafsirkan sebagai seorang yang mudah memberi pertolongan kepada orang lain tanpa mengharapkan balasan serta mempunyai gerak-geri dan tingkah laku yang sopan terhadap orang lain.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Melaksanakan sesuatu tugas yang diarahkan dengan ikhlas dan menganggap ia sebagai satu amanah.</p>	<p>i. Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam</p> <p>ii. Dasar Penerapan Nilai Islam Dalam Pentadbiran</p>

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>Contoh:</p> <p>i. Juruaudit hendaklah membuat keputusan/pendapat berasaskan kepada fakta, berfikiran rasional dan tidak berat sebelah.</p>	
22.	Pengetahuan	39 & 40	<p>Pengetahuan merupakan ilmu yang diperolehi daripada pembelajaran, pengalaman serta ilmu pengetahuan lain yang diperolehi daripada internet dan media massa terutamanya yang berkaitan dengan pengauditan, perakaunan serta teknologi maklumat.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Juruaudit perlu menerapkan budaya suka membaca dalam diri masing-masing bagi memastikan mereka sentiasa peka dalam persekitaran yang berubah.</p> <p>ii. Melayari laman web institusi antarabangsa bagi mendapatkan maklumat serta isu terkini terutamanya dalam bidang pengauditan.</p>	

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
23.	Pengaruh Parti Politik	31-34	<p>Seseorang pegawai hendaklah setiap masa mengamalkan sikap berkecuali atau tidak memihak kepada mana-mana parti politik semasa menjalankan tugasnya dan tidak melanggar larangan yang terkandung di bawah Peraturan 21 Perintah Am Bab D (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Juruaudit hendaklah mengeluarkan pendapat atau keputusan yang tidak berat sebelah dan menyokong mana-mana parti politik semasa menjalankan tugas.</p>	Perintah Am Bab D (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 – Peraturan 21
24.	Tadbir Urus Yang Baik	48	Tadbir urus yang baik dapat dinilai dalam sesebuah organisasi apabila satu sistem kawalan dalaman yang telus dan berkesan dapat dihasilkan. Sistem kawalan dalaman yang berkesan ini akan membolehkan sesuatu tugas dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Juruaudit perlu memastikan bahawa tadbir urus yang baik diwujudkan dengan:	Garis Panduan Pengauditan Prestasi

Bil.	Kata Kunci	Perenggan	Penjelasan	Sumber Rujukan
			<p>i. Membuat perancangan yang teliti mengenai sesuatu tugas. ii. Memberi panduan, latihan dan penyeliaan kepada semua ahli pasukan audit.</p> <p>Selain itu, Juruaudit juga perlu memahami persekitaran auditi secara keseluruhan dan memastikan aspek kawalan dalaman telah berfungsi dengan sebaiknya.</p>	
25.	Tingkah Laku Profesional	46	<p>Juruaudit hendaklah menunjukkan perilaku yang baik sebagai seorang yang berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Mengamalkan sifat adil, bertanggungjawab, berdedikasi, integriti, akauntabiliti dan neutraliti. ii. Membuat keputusan atau tindakan dengan berfikir dan bukan mengikut emosi. iii. Bercakap dan mengeluarkan pandangan berdasarkan fakta dan ilmu pengetahuan yang luas.</p>	

LAMPIRAN B



BORANG PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN JABATAN AUDIT NEGARA

Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan adalah satu ketetapan di bawah Kod Etika Juruaudit Sektor Awam, Jabatan Audit Negara. Juruaudit hendaklah mengisytiharkan semua bentuk kepentingan termasuklah persaudaraan, peribadi, perniagaan, keahlian dalam sebarang jawatankuasa dan Ahli Lembaga Pengarah serta Pemegang Saham atau lain-lain kepentingan secara langsung atau tidak langsung. Perisytiharan kepentingan ini juga hendaklah melibatkan saudara terdekat yang ditafsirkan sepertimana berikut:

- (i) Isteri atau suami kepada Pegawai;
- (ii) Adik atau abang atau kakak kepada Pegawai;
- (iii) Adik atau abang atau kakak kepada suami atau isteri Pegawai;
- (iv) Datuk atau nenek kepada Pegawai;
- (v) Datuk atau nenek kepada suami atau isteri Pegawai;
- (vi) Bapa saudara, ibu saudara atau sepupu kepada Pegawai;
- (vii) Bapa saudara, ibu saudara atau sepupu kepada suami atau isteri Pegawai;
- (viii) Anak kandung atau anak tiri atau anak angkat/pelihara (yang disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat) kepada Pegawai; dan
- (ix) Menantu kepada Pegawai.

Dalam keadaan tertentu, juruaudit boleh mengisytiharkan kepentingan dengan pihak perseorangan atau berkumpulan selain senarai (i) hingga (ix) di atas yang mana mempunyai potensi mempengaruhi proses, pertimbangan dan keputusan audit kelak (contoh : jiran terdekat, rakan karib dll).

Juruaudit hendaklah mengisytiharkan percanggahan kepentingan ini sebelum pengauditan dilaksanakan atau setiap kali pembaharuan Program Audit melalui Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan Jabatan Audit Negara. Borang ini perlu disimpan oleh Pentadbir Bahagian dan diberikan kepada semua juruaudit yang akan melaksanakan pengauditan di Seksyen atau Bahagian tersebut. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Penyelia (Pengarah Bahagian atau Ketua Seksyen) untuk diputuskan dan diluluskan penglibatan juruaudit tersebut dalam pengauditan (sekiranya terdapatnya percanggahan kepentingan). Borang yang telah diluluskan hendaklah difailkan untuk tujuan rekod dan pemantauan kelak serta disalinkan kepada juruaudit yang terlibat untuk simpanan peribadi.

Ketidakpatuhan:

Kegagalan untuk mengisytiharkan suatu percanggahan kepentingan akan dianggap sebagai pelanggaran terhadap Kod Etika Juruaudit Sektor Awam Jabatan Audit Negara. Pelanggaran ini juga boleh diklasifikasi sebagai pelanggaran terhadap tatakelakuan penjawat awam dan boleh dikenakan tindakan tata tertib bergantung kepada kesannya terhadap Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

BAHAGIAN A : MAKLUMAT PEGAWAI

Nama	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Jawatan / Gred	:	
Sektor / Bahagian / Negeri	:	

Saya faham bahawa jika saya, saudara saya atau mana-mana orang yang berhubungan dengan saya mempunyai apa-apa kepentingan secara langsung atau tidak langsung di dalam Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat _____ yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan kepentingan dengan tugas saya sebagai seorang juruaudit Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pengauditan _____ bagi tahun _____, saya perlu membuat perisytiharan percanggahan kepentingan dalam tugas pengauditan ini di Perkara I sehingga Perkara VI sebagaimana berikut:

(sila tandakan "✓" di petak yang berkaitan)

- I** Pasangan, ahli keluarga, saudara terdekat atau sahabat rapat bekerja di peringkat Pengurusan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat yang dinyatakan di atas atau terlibat dengan aktiviti yang diaudit.
- II** Saya, pasangan, ahli keluarga, saudara terdekat atau sahabat rapat mempunyai kepentingan peribadi dengan mana-mana pegawai di Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat yang dinyatakan di atas.
- III** Saya, pasangan, ahli keluarga, saudara terdekat atau sahabat rapat mempunyai hubungan perniagaan/urusniaga dengan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat yang dinyatakan di atas.
- IV** Saya, pasangan, ahli keluarga, saudara terdekat atau sahabat rapat terlibat sebagai Ahli Lembaga Pengarah, Pemegang Saham atau menjadi ahli dalam mana-mana Jawatankuasa di Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat yang dinyatakan di atas.
- V** Percanggahan kepentingan lain sama ada secara langsung atau tidak langsung di Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat yang dinyatakan di atas.
- VI** Saya, pasangan, ahli keluarga, saudara terdekat atau sahabat rapat tiada sebarang percanggahan kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung di Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat yang dinyatakan di atas.

(Nota : Sila terus ke Bahagian C sekiranya memilih Perkara VI)

BAHAGIAN B : BUTIRAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Jenis Kepentingan	
Nama Pegawai di Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Syarikat	
Jawatan Pegawai di Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Syarikat	
Hubungan dengan Pegawai	
Keterangan Ringkas Percanggahan Kepentingan	

BAHAGIAN C : PENGESAHAN PEGAWAI

Saya dengan ini memohon agar *dikecualikan/tidak dikecualikan daripada terlibat dalam pengauditan _____ di Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat _____ bagi tahun _____. Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul.

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. K/P : _____
Jawatan / Gred : _____
Sektor/Bahagian/
Negeri : _____
Tarikh : _____

**Sila potong yang tidak berkaitan.*

BAHAGIAN D : ULASAN DAN KELULUSAN PENYELIA

Ulasan : _____

Tandatangan : _____

Nama & Cop : _____

Tarikh : _____



Jabatan Audit Negara Malaysia

Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F

Lebuhr Perdana Timur, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62000 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my